

NO. SOALAN : 42

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN M. KULASEGARAN
[IPOH BARAT]**

TARIKH : 7 APRIL 2015

SOALAN :

YB. Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan:**

- (a) apakah perkembangan terkini mengenai pewartaan Vivekananda Ashram Brickfields Kuala Lumpur sebagai tapak warisan kebangsaan; dan
- (b) senaraikan tempat-tempat lain di mana Kerajaan berniat dan berhasrat untuk dijadikan sebagai tapak warisan kebangsaan.

JAWAPAN : YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Jabatan Warisan Negara telah memulakan proses pewartaan Bangunan Vivekananda Ashram di Brickfield, Kuala Lumpur di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Status terkini proses pewartaan adalah seperti berikut:

- (i) Pada 5 Disember 2014, Pesuruhjaya Warisan telah mengeluarkan Notis Niat untuk menetapkan bangunan tersebut sebagai tapak warisan;
- (ii) Pada 17 Februari 2015, siaran Warta dan siaran dalam akhbar tempatan telah dikeluarkan bagi memberi peluang kepada pemunya dan mana-mana orang yang berkemungkinan terjejas oleh penetapan tapak tersebut untuk mengemukakan bantahan dalam tempoh 30 hari dari tarikh siaran tersebut; dan
- (iii) Pada 18 Mac 2015, Pesuruhjaya Warisan telah menerima Notis Bantahan bertarikh 11 Mac 2015 daripada Pemegang Amanah Bangunan Vivekananda Ashram. Pendengaran bagi bantahan tersebut akan dijadualkan oleh Pesuruhjaya Warisan setelah memperolehi keizinan penetapan tersebut daripada Menteri Wilayah Persekutuan.

Sekiranya keizinan diperolehi daripada Menteri Wilayah Persekutuan sepetimana peruntukan Seksyen 30 Akta 645, Pesuruhjaya Warisan boleh membuat pendengaran terhadap bantahan kerana keputusan sama ada meneruskan penetapan tapak atau tidak meneruskan penetapan tapak boleh diputuskan oleh Pesuruhjaya Warisan.

Walau bagaimanapun, sekiranya keizinan tidak diperolehi, Pesuruhjaya Warisan tidak boleh membuat pendengaran kerana apa-apa sahaja keputusan tidak dapat dibuat tanpa keizinan Pihak Berkuasa Negeri (Menteri Wilayah Persekutuan).

Tuan Yang di-Pertua,

Proses pencalonan dan penetapan tapak sebagai warisan adalah proses yang berterusan di bawah tanggungjawab Pesuruhjaya Warisan. Untuk menetapkan sesuatu tapak sebagai warisan, Pesuruhjaya hendaklah mendapatkan keizinan Pihak Berkuasa Negeri terlebih dahulu.

Antara tapak-tapak lain yang telah dikenalpasti oleh Kementerian ini melalui Jabatan Warisan Negara untuk diberi pengiktirafan sebagai Warisan Kebangsaan adalah seperti berikut:

- i. Muzium Negara, Kuala Lumpur
- ii. Sekolah King Edward VII, Taiping, Perak
- iii. Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar, Kedah
- iv. Masjid Alauddin, Kampung Bandar, Selangor
- v. Rumah Tele, Terengganu

Sekian, terima kasih.